

TRANSKRIP TEMU BUAL GURU 5

Aslin, Verbatim Temu bual Guru 5, SMK B, (05.07.2013), (7:01)

1 **A, TB, G5, SMK B, (05072013), (7:01)**

2
3 **Pengkaji**

4 Assalamualaikum cikgu. Apakah yang cikgu faham tentang Pendidikan Alam
5 Sekitar?

6 **Guru**

7 Waalaikumsalam. Pada pendapat saya, pendidikan alam sekitar ni lebih kepada me-
8 ningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai tentang pentingnya kita meme-
9 lihara alam sekitar dengan sebaik-baiknya. Ok.. Disamping itu juga, pendidikan alam
10 sekitar dapat membentuk sikap kita yang positif dan juga rasa tanggungjawab kita
11 mencintai dan memelihara alam sekitar. Ye.. supaya kita tidak merosakkan alam
12 sekitar yang disebabkan manusia sendiri, sebab pada hari ini kita tengok banyak
13 kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh manusia seperti, macam hakisan, ye..
14 kemusnahan hutan, ok.. pembuangan sampah, dan lain-lain lagi lah.

15
16 **Pengkaji**

17 Apakah pula Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum?

18 **Guru**

19 Em..aa.. Setakat pengetahuan saya, Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas
20 Kurikulum ini ialah, aa... **penyepaduan** Pendidikan Alam Sekitar dalam semua
21 matapelajaran yang diajar disekolah lah seperti, kita terapkan, aa... kita sepakuan
22 pendidikan alam sekitar ni dalam subjek seperti sains, bahasa, matematik, kemahiran
23 hidup, pendidikan Islam, moral dan sebagainya. Maknanya, para pelajar boleh aa..
24 mempelajari tentang alam sekitar ini dalam semua matapelajaran.

25
26 **Pengkaji**

27 Bilakah pendidikan alam sekitar diterapkan di sekolah?

28 **Guru**

29 Ok.. aa.. Berdasarkan daripada pengalaman saya, aa.Pendidikan Alam Sekitar ini kalau
30 di sekolah boleh kita terapkan antaranya dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik
31 darjah dan juga boleh juga kita terapkan dalam aktiviti ko-kurikulum.

32
33 **Pengkaji**

34 Dalam Pengajaran dan pembelajaran (PdP) cikgu tadi, terangkan kaedah yang cikgu
35 gunakan untuk menerapkan tentang Pendidikan Alam Sekitar?

36 **Guru**

37 Ok.. Berdasarkan pengajaran saya tadi, saya telah meminta para pelajar untuk mencari
38 isi tentang punca, kesan dan juga cara mengatasi, em.. alam sekitar. Antaranya saya
39 telah memberikan para pelajar, aa... em.. saya telah mengagihkan para pelajar kepada
40 beberapa **kumpulan** supaya mereka dapat **berbincang dalam kumpulan**, dan juga
41 saya juga telah mengedarkan bahan-bahan bacaan kepada mereka, dan dalam kumpulan
42 mereka berbincang, ok.. seterusnya mereka membentangkan hasil perbincangan
43 mereka. Dan daripada pembentangan itu, ia dibuka **soaljawab** dan **sumbang saran**
44 daripada kumpulan kumpulan yang lain.

45
46 **Pengkaji**

47 Selain dari kaedah yang cikgu sampaikan tadi, apakah kaedah-kaedah lain yang biasa

- 48 cikgu gunakan untuk menerapkan Pendidikan Alam Sekitar semasa PdP dalam kelas?
49
- 50 **Guru**
51 Ok.. em.. dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, selain daripada kaedah
52 yang saya senaraikan, saya juga boleh gunakan pendidikan alam sekitar ini antaranya
53 menyuruh pelajar membuat folio, berkaitan dengan alam sekitar.. ye.. saya juga boleh
54 meminta para pelajar, aa.. membuat tajuk berkaitan alam sekitar sewaktu mereka
55 membuat ujian lisan Bahasa Melayu dan juga, aa.... itulah antaranya, saya buat folio
56 dan waktu ujian lisan Bahasa Melayu.
- 57
- 58 **Pengkaji**
59 Bagaimanakah pula cikgu menerapkan Pendidikan Alam Sekitar dalam aktiviti ko-
60 kurikulum di sekolah?
- 61 **Guru**
62 Ok.. kalau, aa... di sekolah, dalam aktiviti ko-kurikulum, saya boleh terapkan Pen-
63 didikan Alam Sekitar ni contohnya dalam persatuan. Contohnya dalam persatuan
64 Bahasa Melayu saya boleh adakan **pertandingan** contohnya pertandingan syaranan,
65 pertandingan forum, ataupun pertandingan menulis esei yang berkaitan dengan
66 kepentingan menjaga alam sekitar. Ye.. mungkin juga, boleh juga kalau saya em..
67 dalam Persatuan Geografi, saya boleh melakukan **aktiviti lawatan**, ye.. membawa
68 pelajar contohnya melihat tempat tempat tapak pelupusan sampah ataupun di sekolah
69 juga boleh kita adakan **gotong-royong** ye.. em.. dan juga mungkin juga dalam aktiviti-
70 aktiviti **perkhemahan** juga boleh kita terapkan Pendidikan Alam Sekitar supaya
71 pelajar-pelajar ini menjaga kebersihan contohnya membuang sampah ke dalam tempat
72 yang betul seperti tong sampah, ye.. ok, tidak merosakkan, contohnya kalau kita pergi
73 perkhemahan, atau di kawasan berhutan ke, kita tidak merosakkan pokok pokok dan
74 sebagainya lah.
- 75
- 76 **Pengkaji**
77 Apakah nilai-nilai murni yang cikgu sampaikan semasa menerapkan Pendidikan Alam
78 Sekitar?
- 79 **Guru**
80 Ok.. terdapat beberapa nilai murni yang saya terapkan em.. contohnya, rasa
81 tanggungjawab ye.. maknanya setiap pelajar dan individu itu perlu ada rasa
82 tanggungjawab terhadap alam sekitar ye, dan seterusnya mencintai persekitaran sebab
83 kita hidup di dunia ini ada hubungan diantara kita dengan alam. Dan juga, di samping
84 itu juga mungkin kita dalam contoh gotong-royong tadi boleh diamalkan sikap
85 bekerjasama diantara satu sama lain.
- 86
- 87 **Pengkaji**
88 Apakah masalah-masalah yang cikgu hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam
89 Sekitar?
- 90 **Guru**
91 Ok.. antara masalah yang saya hadapi, antaranya ialahkekangan masa. Sebab ye.. em..
92 kita hanya mengajar alam sekitar ni mungkin dalam tajuk-tajuk yang tertentu sahaja.
93 Ye.. tidak sepanjang masa dan juga, kita juga terikat dengan silibus yang mana banyak
94 lagi tajuk-tajuk lain yang perlu diajar. Ok.. mungkin tajuk tentang alam sekitar itu
terhad.